

26/01/2002

IPT diminta lengkapkan pelajar dengan didikan moral

ALOR GAJAH, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa institusi pengajian tinggi (IPT) melengkapkan pelajar dengan pendidikan moral supaya mereka memiliki sikap dan peribadi mulia.

Perdana Menteri berkata, penguasaan pengetahuan tinggi saja tidak mencukupi kerana hanya rakyat yang bermoral tinggi, sedar tanggungjawab terhadap masyarakat, sekali gus dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Dr Mahathir berkata, walaupun tumpuan diberikan terhadap bidang teknikal dan sains, pelajar IPT juga perlu diberi latihan atau diajar mengenai nilai hidup mulia supaya mereka menjadi rakyat bermoral tinggi.

"Kita harus ingat bahawa sesuatu yang baik itu boleh juga digunakan untuk keburukan. Umpamanya kita boleh guna pisau untuk mengukir sesuatu yang cantik dari sebatang kayu.

"Namun pisau yang sama boleh digunakan membunuh orang. Demikian juga dengan ilmu pengetahuan. Kalau kita tidak mempunyai moral tinggi dan nilai hidup mulia, maka ilmu itu mungkin disalahgunakan, mungkin digunakan untuk membinasa dan bukan membangunkan masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan upacara pecah tanah kampus tetap Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM), di Durian Daun, dekat sini, petang ini.

KUTKM ketika ini beroperasi di kampus sementara di Ayer Keroh dan memulakan pengajiannya pada 10 Jun tahun lalu, dengan pengambilan pelajar perintis seramai 348 pelajar.

KUTKM ialah institut pengajian tinggi awam (IPTA) ke 14, dibina di kawasan seluas 290 hektar yang mana pembinaan fasa 1 merangkumi 10 fakulti, membabitkan perbelanjaan RM600 juta. Ia dijangka mengambil seramai 12,000 pelajar aliran sains dan teknologi menjelang 2010.

Dr Mahathir berkata, setiap pelajar sama ada di universiti atau sekolah perlu dididik apakah nilai yang dianggap mulia.

"Ini perlu dijadikan satu tanggungjawab semua institusi pendidikan. Kita tidak mahu anak-anak kita belajar di sekolah terus ke universiti dapat kelulusan tinggi, tetapi menggunakan ilmu untuk melakukan jenayah cangkih," katanya.

Beliau berkata, pendidikan mengenai cara hidup mulia dan moral tinggi harus diselitkan dalam semua ilmu dan perlu disampaikan kepada semua pelajar pada semua peringkat.

(END)